



**GARIS PANDUAN
PENGURUSAN KOLEKSI ARKIB PERSENDIRIAN**

No. Dokumen: ANM.SPAPR.02/2026

**ARKIB NEGARA MALAYSIA
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
KUALA LUMPUR**

2026

GARIS PANDUAN
PENGURUSAN KOLEKSI ARKIB PERSENDIRIAN

ARKIB NEGARA MALAYSIA

2026

KANDUNGAN

	Muka Surat
1. Tujuan	1
2. Latar Belakang	1
3. Punca Kuasa	1
4. Objektif	2
5. Skop	2
6. Definisi/ Tafsiran	3
6.1 Anggota Pentadbiran	3
6.2 Arkib Persendirian	3
6.3 Arkib Pertubuhan	3
6.4 Koleksi Persendirian	3
6.5 Lukisan	4
6.6 Manuskrip	4
6.7 Objek	4
6.8 Individu	4
6.9 Pemerolehan	4
6.10 Surat Persendirian	4
7. Kategori Koleksi Bahan Arkib Persendirian	5
8. Koleksi Arkib Persendirian	7
8.1 Surat Persendirian	7
8.2 Koleksi Persendirian	8
8.3 Arkib Pertubuhan	8
8.3.1 Agama	8
8.3.2 Ekonomi	8
8.3.3 Ikhtisas dan Sukarela	8
8.3.4 Kebudayaan dan Kesenian	9
8.3.5 Kesatuan Sekerja	9
8.3.6 Keselamatan	9
8.3.7 Koperasi	9
8.3.8 Politik	9
8.3.9 Sukan	9

9.	Kaedah Pemerolehan	10
9.1	Sumbangan/ Derma/ Hadiah	10
9.2	Wasiat	10
9.3	Penyalinan	10
9.4	Deposit	10
9.5	Pembelian	10
10.	Kriteria Penilaian	11
10.1	Nilai Sejarah/ Kebangsaan	11
10.2	Nilai Perundangan	11
10.3	Nilai Rujukan/ Penyelidikan	11
10.4	Nilai Keselamatan, Kedaulatan dan Persempadanan	12
10.5	Keaslian dan Ketulenan Bahan	12
10.6	Keunikan Bahan	12
10.7	Fizikal Bahan	13
11.	Tatacara Pemerolehan Koleksi Bahan Arkib Persendirian	13
11.1	Pengesanan dan Perbincangan Pemerolehan Koleksi Bahan	13
11.2	Penyerahan dan Penerimaan Koleksi Bahan	13
11.3	Pemilihan dan Penilaian Koleksi Bahan	14
11.4	Pemulangan Koleksi Bahan	14
11.5	Surat Persetujuan Serah Simpan Kekal Koleksi Bahan Arkib Persendirian	14
11.6	Penghargaan	14
11.7	Carta Alir Pemerolehan Koleksi Bahan Arkib Persendirian	14
12.	Tatacara Pembelian Koleksi Bahan Arkib Persendirian Di Dalam dan Luar Negara	15
12.1	Penubuhan Jawatankuasa	15
12.1.1	Jawatankuasa Penilaian dan Penetapan Harga Koleksi Bahan	15
12.1.2	Jawatankuasa Teknikal Perolehan Koleksi Bahan	16
12.1.3	Jawatankuasa Rundingan Harga Perolehan Koleksi Bahan	17
12.1.4	Jawatankuasa Sebutharga Jabatan	18
12.2	Pembelian Koleksi Bahan Persendirian di Luar Negara	18

12.2.1	Menjalankan Kajian dan Pengesanan Bahan	18
12.2.2	Pelantikan Perwakilan Malaysia di Negara Asing	19
12.2.3	Bayaran Pembelian Koleksi Bahan Arkib Persendirian	19
12.3	Pembelian Koleksi Bahan Persendirian Di Dalam Negara	19
12.3.1	Menjalankan Kajian dan Pengesanan Bahan	19
12.3.2	Menerima Bahan dan Tawaran Harga daripada Pembekal	19
12.3.3	Membuat Semakan Silang Koleksi Bahan dengan Agensi Luar	20
12.3.4	Penilaian dan Pendeskripsian Koleksi Bahan	20
12.3.5	Jadual Penetapan Kadar Harga Koleksi Bahan	20
12.3.6	Kelulusan MOF	20
12.3.7	Surat Setuju Terima	21
12.3.8	Urusan Pembayaran	21
12.4	Pemulangan Koleksi Bahan	22
12.5	Carta Alir Tatacara Pembelian Koleksi Bahan Persendirian Dalam dan Luar Negara	22
13.	Aktiviti Pemprosesan Koleksi Bahan Arkib Persendirian	22
13.1	Penerimaan Bahan	22
13.2	Semakan dan Penilaian	22
13.3	Pendaftaran Sumber	23
13.4	Penyusunan	23
13.5	Pewasapan (Jika Perlu)	23
13.6	Pembersihan	23
13.7	Penyalinan dan Suntingan Bahan	24
13.8	Semakan Bahan Audiovisual (AV)	24
13.9	Pemuliharaan Bahan (Jika Perlu)	25
13.10	Pendaftaran dan Pendeskripsian Bahan Dalam COMPASS	25
13.11	Semakan Data Dalam COMPASS	26
13.12	Pelabelan Bahan	26
13.13	Carta Alir Pemprosesan Koleksi Bahan Arkib Persendirian	31
14.	Penutup	32

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Perkara	Muka Surat
Lampiran 1	Borang 1/2026 (Akuan Penyerahan Koleksi Bahan)	33
Lampiran 1A	Biodata Penyerah Bahan	34
Lampiran 2	Surat Pengesahan Penerimaan Koleksi Surat Persendirian/ Koleksi Persendirian/ Arkib Pertubuhan	35
Lampiran 3	Borang 2/2026 (Akuan Pemulangan Koleksi Bahan)	36
Lampiran 3A	Lampiran 3A – Senarai Pemulangan Koleksi Bahan	37
Lampiran 4	Surat Persetujuan Serah Simpan Kekal Koleksi Bahan Arkib Persendirian	38
Lampiran 4A	Senarai Koleksi Bahan	40
Lampiran 5	Sijil Penghargaan	41
Lampiran 6	Carta Alir Pemerolehan Koleksi	42
Lampiran 7	Borang 3/2026 (Akuan Penyerahan Koleksi Bahan – Pembelian)	43
Lampiran 7A	Senarai Koleksi Bahan (Pembelian)	44
Lampiran 8	Senarai Cadangan Koleksi Bahan untuk Pembelian	45
Lampiran 9	Jadual Penetapan Kadar Harga Koleksi Bahan	46
Lampiran 10	Borang 4/2026 (Akuan Pemulangan Bahan – Pembelian)	84
Lampiran 10A	Senarai Koleksi Bahan yang Dipulangkan (Pembelian)	85
Lampiran 11	Carta Alir Tatacara Pembelian Koleksi Bahan Persendirian Dalam Dan Luar Negara	86
Lampiran 12	Carta Alir Pemprosesan Koleksi Bahan Arkib Persendirian	87

GARIS PANDUAN

PENGURUSAN KOLEKSI ARKIB PERSENDIRIAN

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk menerangkan kaedah dan tatacara pengurusan koleksi bahan arkib persendirian di Arkib Negara Malaysia (ANM).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 ANM bertanggungjawab melaksanakan pengesanan, pengumpulan dan pemerolehan arkib persendirian daripada individu dan pertubuhan bukan kerajaan. Fungsi ini dimulakan oleh ANM sejak tahun 1960-an untuk melengkapkan bahan sejarah dan berkepentingan negara. Pemerolehan arkib persendirian ini dilakukan secara berterusan dan merupakan bahan popular yang sentiasa dirujuk oleh penyelidik.
- 2.2 Panduan Perolehan Arkib Persendirian disediakan dan diguna pakai oleh ANM sejak tahun 2010. Seiring dengan kepentingan pemerolehan, perkembangan teknologi, kumpulan penyumbang dan koleksi bahan, ANM mengambil inisiatif mengemas kini panduan sedia ada supaya lebih komprehensif selaras dengan prinsip *Total Archives*.

3. PUNCA KUASA

Punca kuasa dalam pengurusan pemerolehan koleksi bahan arkib persendirian adalah seperti berikut:

- i. Seksyen 7 (c), Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] – Fungsi Ketua Pengarah.

- ii. Seksyen 31, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] - Pemerolehan Bukan Rekod Awam.
- iii. Seksyen 32 (1) dan 32 (2), Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] – Penyerahsimpanan Rekod.
- iv. Seksyen 41, Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629] – Bahan yang hendak diserahkan di arkib menteri dan arkib memorial.
- v. Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2003 – Pengumpulan dan Pemeliharaan Surat-Surat Persendirian Penjawat-penjawat Tinggi Kerajaan di Arkib Negara Malaysia.

4. OBJEKTIF

Objektif garis panduan seperti berikut:

- i. Menyelaras dan menyeragamkan proses kerja pemerolehan koleksi Arkib Persendirian supaya dapat dilaksanakan secara sistematik.
- ii. Koleksi Arkib Persendirian yang bernilai sejarah dan kebangsaan sama ada dalam bentuk fizikal atau digital dapat disimpan dan dipelihara.
- iii. Memantapkan pengurusan pemerolehan koleksi Arkib Persendirian selaras dengan perubahan teknologi terkini.

5. SKOP

Garis panduan ini digunakan oleh ANM untuk memperoleh dan memproses bahan arkib persendirian.

6. DEFINISI/ TAFSIRAN

6.1 ANGGOTA PENTADBIRAN

Seseorang yang memegang jawatan sebagai Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik dan berhubung dengan sesuatu negeri, ertinya seseorang yang memegang jawatan yang bersamaan di dalam negeri itu atau yang memegang jawatan sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan (selain anggota kerana jawatan) yang sedang berkhidmat dan telah tamat perkhidmatan. Ini termasuk Yang Dipertua Dewan Rakyat/ Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat/ Ahli Dewan Negara/ Ahli Dewan Rakyat/ Dewan Negara/ Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri/ Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri. Ini termasuk Anggota Pentadbiran Persekutuan yang dilantik dari Sabah dan Sarawak.

6.2 ARKIB PERSENDIRIAN

Arkib Persendirian adalah salah satu daripada kumpulan utama bahan arkib yang terdiri daripada Arkib Pertubuhan, Koleksi Persendirian dan Surat Persendirian. Bahan dalam koleksi ini terdiri daripada pelbagai bentuk, media dan jenis yang diperoleh dari dalam dan luar negara.

6.3 ARKIB PERTUBUHAN

Koleksi rekod dan objek yang dihasilkan/ diwujudkan, dikumpul, dipunyai dan diterima oleh organisasi, institusi, persatuan, kesatuan sekerja, kelab, koperasi, syarikat perusahaan dan perniagaan serta badan bukan kerajaan yang berdaftar dan tidak berdaftar di dalam negara.

6.4 KOLEKSI PERSENDIRIAN

Koleksi rekod dan objek yang diterima, dikumpul, dibeli, disimpan dan mana-mana kaedah lain oleh individu, purbawan dan institusi di dalam negara dan luar negara dalam pelbagai media dan bentuk.

6.5 LUKISAN

Keterangan (cerita, huraian dan lain-lain) yang menggambarkan imej sesuatu dan dilukis dalam bentuk kekal di atas permukaan yang rata.

6.6 MANUSKRIP

Naskhah asli yang ditulis, dicatat, ditaip atau disalin semula oleh tokoh, penjawat awam dan orang perseorangan dalam pelbagai medium merangkumi tulisan Jawi atau lain-lain tulisan, menggunakan bahasa Melayu atau lain-lain bahasa.

6.7 OBJEK

Objek termasuklah mana-mana benda purba boleh alih, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan objek bersejarah tetapi tidak termasuk harta karun.

6.8 INDIVIDU

Individu merujuk kepada tokoh yang terkenal/ berpengaruh dan orang perseorangan yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu serta banyak memberi sumbangan kepada masyarakat, komuniti, negara dan antarabangsa.

6.9 PEMEROLEHAN

Koleksi bahan yang diterima adalah melalui pemindahan hak milik, pembelian, derma, wasiat, hadiah atau selainnya.

6.10 SURAT PERSENDIRIAN

Koleksi rekod dan objek yang dihasilkan/ diwujudkan, dikumpul, dipunyai dan diterima oleh tokoh, individu atau waris sebagai milik peribadi yang menggambarkan kehidupan, aktiviti, minat/ kecenderungan, sumbangan dan kepakaran dalam bidang tertentu.

7. KATEGORI KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN

Berikut adalah kategori dan jenis bahan arkib persendirian:

BIL.	JENIS	CONTOH BAHAN
A	Perundangan	1. Piawaian 2. Perintah 3. Prosedur Operasi Standard
B	Dokumen	1. Surat-Menyurat 2. Kertas Kerja/ Cadangan 3. Pengisytiharan 4. Teks Ucapan
C	Hasil Karya/ Penulisan	1. Sajak/ Syair 2. Artikel 3. Nota Lagu
D	Personalialia	1. Sijil Penghargaan 2. Watakah Pelantikan 3. Salasilah Keluarga
E	Terbitan	1. Majalah 2. Surat Khabar 3. Buku
F	Perjanjian dan Persetujuan	1. Memorandum 2. Perjanjian
G	Manuskrip	1. Bertulis tangan tulisan Jawi dan bahasa lain. 2. Naskhah, karya, penulisan, draf bertulis tangan tidak dicetak, dicetak dan diterbitkan dalam bentuk buku dan lain-lain. 3. Penulisan, catatan, nota, draf atau salinan asal yang bertulis tangan yang telah disediakan oleh tokoh, penjawat awam, inidividu berdasarkan kepakaran, minat dan peristiwa.
H	Objek	1. Bahan etnografi seperti alat rumah tangga atau pertanian, benda perhiasan atau perhiasan diri. 2. Syiling, wang kertas, pingat, lencana, lambang kebesaran, jata dan panji-panji.

BIL.	JENIS	CONTOH BAHAN
		3. Busana dan tekstil.
I	Rekod Pandang Dengar	1. Video 2. Gambar (Digital/ Fizikal) 3. Audio Lisan (Temu ramah/ Wawancara) * Maklumat atau kandungan ini yang disimpan dalam Cakera Padat (CD)/ Cakera Padat Video (VCD)/ Cakera Video Digital (DVD), Piring Hitam, Pita Magnetik, Kaset, Google Drive atau <i>External Hardisk</i> .
J	Promosi dan Pengiklanan	1. Poster 2. Risalah 3. Gegantung (banner)
K	Lukisan	1. Hasil Kerja Seni 2. Lukisan Teknikal/ Kejuruteraan 3. Lakaran
L	Kartografi	1. Carta 2. Pelan 3. Peta
M	Media Sosial	1. Facebook 2. TikTok 3. Youtube * Mendapat kebenaran/ persetujuan pemilik media sosial

Nota: Tidak terhad kepada yang disenaraikan sahaja.

8. KOLEKSI ARKIB PERSENDIRIAN

Arkib Persendirian adalah bahan arkib yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu:

- i. Surat Persendirian
- ii. Koleksi Persendirian
- iii. Arkib Pertubuhan

8.1 SURAT PERSENDIRIAN

Surat Persendirian terbahagi kepada dua kategori iaitu:

- 8.1.1 Tokoh yang terkenal/ berpengaruh dan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu. Bidang penglibatan adalah berkaitan kemasyarakatan, politik, korporat, kewangan, pentadbiran awam, pendidikan, agama, kebudayaan, sains dan teknologi, hubungan antarabangsa, perniagaan, perdagangan dan lain-lain.
- 8.1.2 Penjawat-penjawat Tinggi Awam Kerajaan ialah seseorang yang menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Negara (KSN), Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Setiausaha Kementerian (KSU), Ketua Jabatan Persekutuan, Ketua Jabatan Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Ketua Eksekutif Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), Ketua Eksekutif Badan Berkanun, Ketua Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Hakim Mahkamah Sivil, Hakim Syarie dan Pegawai-Pegawai Pengurusan Tertinggi/ Kanan Agensi yang sedang berkhidmat dan telah tamat perkhidmatan.

8.2 KOLEKSI PERSENDIRIAN

Koleksi Persendirian terbahagi kepada tiga kategori iaitu:

- 8.2.1 Koleksi yang diperoleh, diterima dan dikumpul oleh orang perseorangan atau waris.
- 8.2.2 Koleksi yang dikumpul oleh purbawan dan ditawarkan kepada ANM untuk pembelian.
- 8.2.3 Koleksi bahan berkaitan sejarah Malaysia yang diperoleh atau dibeli oleh ANM daripada individu dan institusi luar negara.

8.3 ARKIB PERTUBUHAN

Arkib Pertubuhan terdiri daripada sembilan kategori iaitu:

8.3.1 Agama

Pertubuhan yang melaksanakan aktiviti pengurusan tempat ibadat, kebajikan, keagamaan dan kepercayaan meliputi semua kaum dan agama.

8.3.2 Ekonomi

Pertubuhan yang melaksanakan aktiviti perusahaan, perdagangan dan perniagaan dalam bidang perkhidmatan, pembuatan, pertanian dan pembinaan yang memberi sumbangan kepada ekonomi negara.

8.3.3 Ikhtisas Dan Sukarela

Pertubuhan yang memelihara kepentingan dan melaksanakan aktiviti kebajikan sosial dan sukarela melalui khairat kematian, hak asasi, rekreasi, alam sekitar dan lain-lain.

8.3.4 Kebudayaan dan Kesenian

Pertubuhan yang menjalankan aktiviti yang merangkumi tarian, teater, permainan tradisional, seni pertahanan diri, seni lukis, kraftangan dan kesusasteraan pelbagai kaum serta etnik dan lain-lain.

8.3.5 Kesatuan Sekerja

Pertubuhan atau gabungan mana-mana pekerja atau majikan berdasarkan pekerjaan atau industri yang sama, menjaga dan melindungi kepentingan serta kebajikan para anggotanya.

8.3.6 Keselamatan

Pertubuhan yang melaksanakan perkhidmatan kawalan keselamatan, memelihara kesejahteraan, memastikan tahap keamanan dan ketenteraman awam.

8.3.7 Koperasi

Pertubuhan orang berautonomi yang bersatu secara sukarela untuk memenuhi keperluan dan aspirasi ekonomi, sosial dan budaya melalui suatu perusahaan milik bersama dan dikawal secara demokrasi.

8.3.8 Politik

Pertubuhan politik di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan pusat.

8.3.9 Sukan

Pertubuhan, Persatuan atau Kelab yang bertindak sebagai badan pengelola atau badan perwakilan sukan di Malaysia sama ada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan, sama ada atau tidak persatuan, kelab atau pertubuhan itu hanyalah anggota gabungan bagi persatuan, kelab atau pertubuhan yang lain.

Nota: Kategori pertubuhan ini akan bertambah dari semasa ke semasa.

9. KAEDAH PEMEROLEHAN

9.1 SUMBANGAN/ DERMA/ HADIAH

Koleksi bahan yang diserahkan oleh tokoh, individu, pertubuhan bukan kerajaan, institusi luar negara dan komuniti secara fizikal atau digital kepada ANM sebagai sumbangan, derma atau hadiah.

9.2 WASIAT

Bahan-bahan yang diserahkan oleh waris ke ANM sebagai memenuhi amanat tokoh dan individu sama ada secara lisan atau bertulis sebelum meninggal dunia.

9.3 PENYALINAN

Penyalinan koleksi bahan dilakukan kerana pemilik bahan memilih untuk tidak menyerahkan bahan asal dan hanya membenarkan ANM membuat penyalinan dalam bentuk digital.

Manakala koleksi bahan berbentuk objek yang dipunyai oleh tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ institusi akan dibuat penyalinan dalam bentuk digital (gambar) untuk simpanan ANM.

9.4 DEPOSIT

Bahan yang diserahkan secara pinjaman untuk simpanan di ANM tetapi pemilik sah masih mempunyai hak milik (legal ownership) terhadap bahan dengan syarat-syarat tertentu dan dipersetujui.

9.5 PEMBELIAN

Pemerolehan bahan secara pembelian adalah tawaran daripada purbawan (collector), tokoh, individu, pertubuhan bukan kerajaan, institusi di dalam negara dan luar negara serta komuniti. Pembelian perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Jabatan.

10. KRITERIA PENILAIAN

Koleksi bahan arkib persendirian yang diterima akan dibuat penilaian berdasarkan kriteria berikut:

10.1 NILAI SEJARAH/ KEBANGSAAN

- i. Bahan yang mempunyai nilai yang tinggi dari segi maklumat sejarah, warisan dan peristiwa penting negara.
- ii. Bahan yang diterbitkan di dalam negara dan luar negara mengenai sejarah Malaysia.
- iii. Bahan yang mempunyai nilai sejarah berkaitan tokoh.
- iv. Penulisan tokoh, penyelidik, pengkaji, individu dan pentadbir kolonial yang berada di dalam negara dan luar negara dalam pelbagai bahasa berkaitan sejarah Malaysia.

10.2 NILAI PERUNDANGAN

- i. Bahan yang mempunyai maklumat mengenai hak individu atau kerajaan seperti dokumen hak milik, kewarganegaraan dan lain-lain.
- ii. Bahan mestilah sumber yang sah dari segi perundangan dan diperoleh daripada pemilik yang bertanggungjawab tanpa sebarang tanggungan.

10.3 NILAI RUJUKAN/ PENYELIDIKAN

- i. Bahan yang mempunyai nilai rujukan, penyelidikan dan pembelajaran dalam pelbagai bidang seperti pentadbiran, politik, ekonomi dan sosial, pentadbiran awam, kewangan, perniagaan dan lain-lain.
- ii. Bahan yang lengkap dan menyeluruh dalam sesuatu bidang penyelidikan.
- iii. Bahan yang mempunyai nilai kesarjanaan dan dapat menggambarkan tahap pemikiran dan keintelektualan tokoh.

- iv. Bahan yang dapat membantu memberikan maklumat yang diperlukan bagi menyokong kajian dan penyelidikan yang dijalankan.

10.4 NILAI KESELAMATAN, KEDAULATAN DAN PERSEMPADANAN

- i. Bahan yang mengandungi rekod berkaitan hak pemilikan asal (original title) negara bagi sesebuah wilayah, kawasan, pulau dan kawasan perairan.
- ii. Bahan yang mengandungi rekod berkaitan kawalan dan penguasaan negara bagi sesebuah wilayah, kawasan, pulau dan kawasan perairan.
- iii. Bahan yang mengandungi rekod berkaitan penemuan sesebuah wilayah, kawasan atau pulau yang diketahui tidak dimiliki oleh mana-mana negara atau pemerintah (terra nullius).

10.5 KEASLIAN DAN KETULENAN BAHAN

- i. Bahan adalah dalam bentuk asal atau salinan asal yang sah dalam media yang kekal (fizikal, digital dan mikrofilem).
- ii. Ketulenannya idea tokoh, individu dan penyelidik dalam penulisan dan penghasilan karya (belum/ telah diterbitkan).
- iii. Kandungan asal dan tempatan.

10.6 KEUNIKAN BAHAN

- i. Bahan yang mempunyai keunikan dari segi kandungan/ maklumat, usia, jenis/ media, rekaan, estetika, kehalusan buatan dan lain-lain.
- ii. Bahan yang terhad bilangannya, tiada salinan atau sukar diperoleh di mana-mana institusi di dalam negara dan luar negara.
- iii. Bahan terbitan lama dan tidak diterbitkan lagi (nadir).
- iv. Bahan yang mempunyai ilustrasi yang menarik dan belum ada dalam simpanan ANM.
- v. Bahan yang mempunyai gaya penulisan lama yang unik dan menarik.
- vi. Catatan tulisan tangan tokoh.

10.7 FIZIKAL BAHAN

- i. Bahan dalam keadaan baik dan masih boleh dirujuk bagi tujuan penyelidikan, aktiviti pengembangan dan advokasi kearkiban.
- ii. Isi kandungan lengkap.
- iii. Tulisan jelas dan boleh dibaca.

11. TATACARA PEMEROLEHAN KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN

11.1 PENGESANAN DAN PERBINCANGAN PEMEROLEHAN KOLEKSI BAHAN

- i. Tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ institusi dikenal pasti melalui kajian, pengesanan dan penyelidikan.
- ii. Menghubungi melalui telefon/ surat-menyurat/ e-mel.
- iii. Mengadakan lawatan/ perbincangan/ pertemuan berkaitan pemerolehan bahan tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ institusi.
- iv. Menyediakan laporan lawatan/ perbincangan/ pertemuan.

11.2 PENYERAHAN DAN PENERIMAAN KOLEKSI BAHAN

- i. Tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ institusi menghantar bahan ke ANM atau pengambilan bahan di rumah kediaman, pejabat atau tempat lain.
- ii. Tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi yang menyerahkan bahan perlu melengkapkan Borang Akuan Penyerahan Koleksi Bahan (1/2026) seperti dalam **Lampiran 1**.
- iii. ANM akan menghantar Surat Pengesahan Penerimaan Koleksi Surat Persendirian/ Koleksi Persendirian/ Arkib Pertubuhan kepada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi seperti dalam **Lampiran 2**.

11.3 PEMILIHAN DAN PENILAIAN KOLEKSI BAHAN

Bahan yang diterima daripada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi dibuat pemilihan dan penilaian berdasarkan kriteria pemerolehan bahan yang ditetapkan dalam Perkara 10 – Kriteria Penilaian dan membuat semakan silang bahan melalui COMPASS.

11.4 PEMULANGAN KOLEKSI BAHAN

Bahan yang tidak dipilih selepas penilaian akan dipulangkan secara rasmi kepada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi berserta dengan Borang Akuan Pemulangan Koleksi Bahan (2/2026) seperti dalam **Lampiran 3**.

11.5 SURAT PERSETUJUAN SERAH SIMPAN KEKAL KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN

Surat Persetujuan Serah Simpan Kekal Koleksi Bahan Arkib Persendirian perlu dilengkapi oleh tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi seperti dalam **Lampiran 4**.

11.6 PENGHARGAAN

Surat dan Sijil Penghargaan diberikan kepada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi seperti dalam **Lampiran 5**.

11.7 CARTA ALIR PEMEROLEHAN KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN

Carta alir Pemerolehan Koleksi Bahan Arkib Persendirian seperti dalam **Lampiran 6**.

12. TATACARA PEMBELIAN KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN DI DALAM NEGARA DAN LUAR NEGARA

Pembelian koleksi bahan persendirian adalah di bawah peruntukan jabatan atau permohonan kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF). Pemerolehan koleksi bahan secara pembelian adalah melalui tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi di dalam negara dan luar negara.

12.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA

Jawatankuasa ini adalah berdasarkan penerimaan bahan di dalam negara oleh Bahagian yang berkenaan.

12.1.1 Jawatankuasa Penilaian dan Penetapan Harga Koleksi Bahan

Bil.	Jawatan	Ahli
1	Pengerusi	PB (PA)/ KS (PAPR)
2	Ahli	KS (PKN) KS (PP) KS (APD) Pengarah ANM Negeri
3	Setiausaha	PA (SPAPR)

Bidang Tugas

- i. Menyemak peruntukan yang diluluskan untuk pembelian bahan.
- ii. Menyemak bahan dalam koleksi ANM dan agensi lain.
- iii. Membuat penilaian awal mengikut kriteria yang ditetapkan.
- iv. Menyemak senarai dan deskripsi bahan (penyediaan deksripsi dilaksanakan oleh seksyen berkaitan).
- v. Semak cadangan tawaran harga pembekal.

- vi. Semak kadar harga yang ditetapkan dalam garis panduan ANM.
- vii. Menyediakan laporan.
- viii. Mengemukakan laporan cadangan dan syor pemilihan koleksi bahan kepada Jawatankuasa Teknikal Perolehan Koleksi Bahan.

12.1.2 Jawatankuasa Teknikal Perolehan Koleksi Bahan

Bil.	Jawatan	Ahli
1	Pengerusi	TKP (PP)/ PB (PA)
2	Ahli	KS (PAPR) KS (PKN) KS (PP) KS (RA) KS (R) KS (APD) KS (PN) KS (KA) Pengarah ANM Negeri <u>Agensi luar (berdasarkan jenis bahan)</u> Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Jabatan Warisan Negara (JWN) Jabatan Muzium Malaysia (JMM) Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS) Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN)
3	Setiausaha	PA (SPAPR)

Bidang Tugas

- i. Penentusahan penilaian bahan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Penilaian dan Penetapan Harga Koleksi Bahan.

- ii. Mendapatkan pandangan wakil agensi luar berkaitan cadangan dan syor daripada Jawatankuasa Penilaian dan Penetapan Harga Koleksi Bahan.
- iii. Persetujuan penyelarasan harga oleh pembekal dan harga berdasarkan garis panduan.
- iv. Menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perolehan Koleksi Bahan.
- v. Memperaku pembelian terhadap bahan-bahan yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

12.1.3 Jawatankuasa Rundingan Harga Perolehan Koleksi Bahan

Bil.	Jawatan	Ahli
1	Pengerusi	PB (PA)
2	Ahli	KS (PAPR) KS (PKN) KS (PP) KS (APD) Pengarah ANM Negeri KS (KA) Tokoh/ Individu/ Waris Pertubuhan/ Institusi Bukan Kerajaan Purbawan
3	Setiausaha	KS (PAPR)

Bidang Tugas:

- i. Membentangkan senarai bahan yang dipilih dan harga yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Teknikal Perolehan Koleksi Bahan.
- ii. Mendapatkan persetujuan bersama daripada tokoh, waris, individu, pertubuhan dan purbawan berkaitan bahan yang dipilih dan penetapan harga.
- iii. Menyediakan laporan dan senarai bahan yang dipilih dan penetapan harga yang dipersetujui.

- iv. Mengemukakan laporan untuk kelulusan Jawatankuasa Sebutharga Jabatan.

12.1.4 Jawatankuasa Sebutharga Jabatan

Bil.	Jawatan	Ahli
1	Pengerusi	KP/ TKP
2	Ahli	PB KS (PAPR)
3	Setiausaha	UPK

Bidang Tugas:

- i. Meluluskan pembelian bahan yang dipersetujui dalam Jawatankuasa Rundingan Harga Perolehan Koleksi Bahan.
- ii. Memohon kelulusan pembelian secara rundingan terus ke Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) melalui Kementerian Perpaduan Negara (KPN).

12.2 PEMBELIAN KOLEKSI BAHAN PERSENDIRIAN DI LUAR NEGARA

12.2.1 Menjalankan Kajian dan Pengesanan Bahan

- i. ANM membuat kajian, pengesanan dan penyelidikan secara fizikal dan dalam talian koleksi bahan yang terdapat di institusi dan orang perseorangan di luar negara.
- ii. Membuat semakan silang koleksi bahan yang telah dibeli dalam simpanan Seksyen Repositori (SR), ANM, ANM Negeri, Pustaka Negeri Sarawak, Arkib Negeri Sabah dan PNM/ Perpustakaan Universiti/ Perpustakaan Negeri.
- iii. ANM akan berurusan dengan institusi dan orang perseorangan di luar negara untuk pembelian koleksi bahan.

12.2.2 Pelantikan Perwakilan Malaysia di Negara Asing

Melantik Pejabat Perwakilan Malaysia (MALAWAKIL) di luar negara untuk menguruskan pembelian koleksi bahan di institusi yang telah dikenal pasti di negara tersebut.

12.2.3 Bayaran Pembelian Koleksi Bahan Arkib Persendirian

ANM menyalurkan duit melalui waran kepada Pejabat Perwakilan Malaysia (MALAWAKIL) untuk membuat pembayaran perolehan koleksi bahan.

12.3 PEMBELIAN KOLEKSI BAHAN PERSENDIRIAN DI DALAM NEGARA

12.3.1 Menjalankan Kajian dan Pengesanan Bahan

ANM membuat kajian, pengesanan dan penyelidikan secara fizikal dan dalam talian koleksi bahan daripada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi di dalam negara.

12.3.2 Menerima Bahan dan Tawaran Harga Daripada Pembekal

- i. ANM menerima tawaran perolehan koleksi bahan daripada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi untuk dijual.
- ii. Tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ institusi yang menawarkan koleksi bahan perlu melengkapkan Borang Akuan Penyerahan Koleksi Bahan (Pembelian) (3/2026) seperti dalam **Lampiran 7**.

12.3.3 Membuat Semakan Silang Koleksi Bahan dengan Agensi Luar

Membuat semakan silang koleksi bahan di agensi berkaitan seperti di ANM Negeri, PNM, Perpustakaan Universiti dan Negeri, DBP, JMM, JWN dan LPSVN dan lain-lain.

12.3.4 Penilaian dan Pendeskripsian Koleksi Bahan

Penilaian dan pendeskripsian bahan-bahan berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti dalam Perkara 10 – Kriteria Penilaian. Senarai Cadangan Koleksi Bahan Untuk Pembelian seperti dalam **Lampiran 8** disediakan untuk penilaian dan persetujuan Ahli Jawatankuasa Teknikal Perolehan Koleksi Bahan.

12.3.5 Jadual Penetapan Kadar Harga Koleksi Bahan

Harga tawaran pembekal akan dibuat perbandingan dengan Jadual Penetapan Kadar Harga Koleksi Bahan yang terdapat dalam garis panduan seperti Jadual Penetapan Kadar Harga Koleksi Bahan dalam **Lampiran 9**.

12.3.6 Kelulusan MOF

- i. Mengemukakan senarai pembelian yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Sebutharga Jabatan kepada Unit Perolehan Kerajaan (UPK), KPN untuk dikemukakan kepada MOF.
- ii. Membuat permohonan bayaran secara rundingan terus melalui *Electronic Government Procurement Application* (eGPA) dimajukan oleh Kementerian untuk kelulusan MOF.

12.3.7 Surat Setuju Terima

Urus setia menyediakan Surat Setuju Terima untuk ditandatangani oleh pembekal. Dokumen ini menyatakan pembekal bersetuju untuk menyerahkan semua bahan yang telah dibeli oleh ANM dan tidak boleh menuntut semula bahan tersebut pada masa akan datang.

12.3.8 Urusan Pembayaran

- i. Pembayaran kepada pembekal dilaksanakan setelah mendapat kelulusan daripada MOF mengikut tatacara kewangan yang ditetapkan.
- ii. Seksyen berkenaan perlu menyediakan dokumen lengkap dan dikemukakan kepada Seksyen Kewangan dan Akaun (SKA) untuk proses bayaran kepada pembekal seperti jadual di bawah.

Jenis Dokumen	Dimajukan Kepada
Salinan Kad Pengenalan (disahkan)	SKA
Salinan Penyata Bank (disahkan)	SKA
Surat Setuju Terima (SST) (disahkan setiap muka surat)	MOF/ SKA/ Pembekal
Salinan Keputusan Mesyuarat Rundingan Harga bersama Pembekal (disahkan setiap muka surat)	SKA
Memo Bayaran Melalui Invois Tanpa Pesanan Tempatan (Borang perlu diperolehi daripada SKA)	SKA
Nota Minta	SKA

12.4 PEMULANGAN KOLEKSI BAHAN

Bahan yang tidak dipilih untuk pembelian akan dipulangkan secara rasmi kepada tokoh/ individu/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi berserta dengan Borang Akuan Pemulangan Bahan (Pembelian) (4/2026) seperti dalam **Lampiran 10**.

12.5 CARTA ALIR TATACARA PEMBELIAN KOLEKSI BAHAN PERSENDIRIAN DALAM DAN LUAR NEGARA

Carta alir Tatacara Pembelian Koleksi Bahan Persendirian di Dalam Negara dan Luar Negara seperti dalam **Lampiran 11**.

13. AKTIVITI PEMROSESAN KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN

Koleksi bahan yang diperoleh hendaklah diproses dan didaftar supaya boleh dicapai melalui sistem *Computerised Archival System and Services* (COMPASS) mengikut tatacara berikut:

13.1 PENERIMAAN BAHAN

Koleksi bahan yang diterima daripada individu/ tokoh/ waris/ pertubuhan/ purbawan/ institusi adalah mengikut kategori, jenis dan bilangan bahan.

13.2 SEMAKAN DAN PENILAIAN

Koleksi bahan yang diterima perlu dibuat semakan dan penilaian terlebih dahulu untuk:

- i. memastikan sama ada bahan telah ada dalam simpanan jabatan;
- ii. mengetahui keadaan fizikal bahan untuk menentukan keperluan pewasapan, pembersihan atau pemuliharaan; dan
- iii. penilaian bahan berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

13.3 PENDAFTARAN SUMBER

Koleksi bahan perlu didaftarkan mengikut sumber. Seksyen berkenaan akan memohon pewujudan sumber baharu melalui Seksyen Panducari (SPN).

13.4 PENYUSUNAN

Penyusunan koleksi bahan adalah berdasarkan sumber, kategori, jenis dan saiz bahan.



Gambar 1: Bahan yang telah disusun mengikut sumber, kategori, jenis dan saiz

13.5 PEWASAPAN (JIKA PERLU)

Koleksi bahan yang memerlukan pewasapan akan dihantar ke Seksyen Perkhidmatan Repositori (SR) untuk membunuh serangga agen perosak. Bahan-bahan tersebut akan dimasukkan di dalam kotak, dibuat pelabelan dengan mencatat sumber, jumlah bahan dan nombor kotak. Ini bagi mengelakkan kehilangan bahan atau memudahkan seksyen berkenaan untuk mendapatkan kembali bahan tersebut. Setelah selesai kerja-kerja pewasapan, pegawai dan kakitangan perlu memastikan jumlah kotak dan bahan yang diterima daripada SR adalah sama dengan jumlah yang dihantar untuk pewasapan.

13.6 PEMBERSIHAN

Kerja pembersihan koleksi bahan perlu dilaksanakan seperti berikut:

- i. Pakai pelitup muka (mask), apron dan sarung tangan.
- ii. Menanggalkan dawai kokot, tali hijau (green tag), klip kertas atau pin yang terdapat pada dokumen dan bahan.

- iii. Menanggalkan jilid gegelung (ring binding) jika perlu.
- iv. Rata dan betulkan lipatan atau kedutan dokumen dan bahan.
- v. Menggunakan kain untuk membersihkan setiap helaian dokumen atau bahan menggunakan kain bersesuaian atau menggunakan mesin penyedut habuk.
- vi. Dokumen dan bahan disusun teratur mengikut kedudukan asal.



Gambar 2: Setiap helaian bahan akan dibersihkan menggunakan kain



Gambar 3: Dawai kokot pada bahan akan ditanggalkan

13.7 PENYALINAN DAN SUNTINGAN BAHAN

Koleksi bahan asal yang tidak dipersetujui untuk diserahkan simpan ke ANM oleh pemilik/ penyumbang akan dibuat penyalinan digital. Kerja-kerja penyalinan, suntingan dan memasukkan tera air akan dilakukan.

13.8 SEMAKAN BAHAN AUDIOVISUAL (AV)

Koleksi bahan AV yang diterima akan dihantar kepada Seksyen Arkib Pandang Dengar (SAPD) untuk semakan kandungan maklumat dan menentukan bahan boleh berfungsi dengan baik atau rosak.

13.9 PEMULIHARAAN BAHAN (JIKA PERLU)

Dokumen yang dikenal pasti rosak akan dihantar ke Seksyen Pemeliharaan dan Reprografi (SPRG) untuk kerja-kerja pembaikan dan pemuliharaan.

13.10 PENDAFTARAN DAN PENDESKRIPSIAN BAHAN DALAM COMPASS

Metadata koleksi bahan akan dilengkapkan dalam COMPASS seperti berikut:

- i. Sumber
- ii. Pengujud
- iii. Kategori
- iv. Sub Kategori
- v. Tarikh bahan
- vi. Tajuk
- vii. Jenis rekod
- viii. Syarat pemindahan
- ix. Deskripsi bahan
- x. Deskripsi fizikal (jika ada)
- xi. Catatan (jika ada)
- xii. Syarat (peringkat pengkelasan bahan)
- xiii. Keadaan bahan
- xiv. X-Ref (jika ada)
- xv. Jenis ukuran
- xvi. Unit
- xvii. Ukuran

The screenshot displays the COMPASS system's metadata entry form. The form is divided into several sections for data entry:

- Sumber:** ZAINAL BIN KLING, PROF. EMERITUS DATUK DR.
- Pengujud:** (Empty field)
- Tajuk:** Mesyuarat Khas Jabatan
- Deskripsi Bahan (BM):** Mengandungi panggilan mesyuarat yang diadakan pada 29 Ogos 2000 bagi membincangkan Beban Tugas Pengajaran dan perbincangan mengenai Bengkel Hala Tuju Jabatan.
- Deskripsi Bahan (Bi):** (Empty field)
- Bahasa:** Bahasa Melayu
- Kata-Kunci:** Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya
- Subjek:** Dokumen
- Kod Klasifikasi:** B(SP)SP.587()01.002
- Kategori:** ARKIB PERSENDIRIAN
- Sub-Kategori:** SURAT-SURAT PERSENDIRIAN
- Jenis Rekod:** DOKUMEN
- Deskripsi Fizikal:** (Empty field)
- Syarat Pemindahan:** (Empty field)
- No. Pendaftaran:** 2024/00200
- No. Penerimaan:** 2024/0005944
- Tarikh Proses:** 01/08/2024
- Tarikh Bahan:** 24/08/2000
- Syarat:** Terbuka
- Status:** (Empty field)
- Keadaan:** Baik
- Lokasi:** (Empty field)
- Bil. M/S Asal:** (Empty field)
- Bil. M/S Akses:** (Empty field)
- No. Siri:** (Empty field)
- Jenis Ukuran:** 6-Bil/Keping
- Unit:** 6.00
- Ukuran:** 12-Keping
- XREF-Bahan:** (Empty field)
- Salinan:** (Empty field)
- Catatan:** (Empty field)

At the bottom of the form, there are buttons for **RFID**, **Media...**, **Label**, **Kemaskini**, and **Keluar**.

Gambar 4: Metada bahan yang telah diisi

13.11 SEMAKAN DATA DALAM COMPASS

Proses semakan dilakukan setelah proses pendaftaran dan pendeskripsian selesai dimasukkan dalam COMPASS.

The screenshot displays the COMPASS system interface for editing metadata. The main form includes fields for 'Sumber' (JAMIL BIN SULONG, DATO'), 'Penguji' (JAMIL BIN SULONG, DATO'), 'Tajuk' (Datuk Haji Jamil Sulong dan Dato' Tajuddin 1996), 'No. Pendaftaran' (2024/00008), 'No. Penerimaan' (2024/0000208), 'Tarikh Terima' (15/01/2024), and 'Cetakan' (00/00/0000). A modal window titled 'Masukkan Kandungan Deskripsi, Bahasa, Lampiran dan Kata Kunci' is open, showing a table with columns for 'Tarikh Tersebut', 'Penerbitan ID', 'Nama', and 'Cetakan'. The table contains three rows of data. The main form also includes fields for 'Deskripsi Bahan (BM)', 'Deskripsi Bahan (BI)', 'Bahasa' (Bahasa Melayu), 'Kata-Kunci' (Datuk Haji Jamil Sulong, Dato' Tajuddin, Film Master, Raja Melewar, Padang Sumatera), 'Kod Klasifikasi' (B(SP)SP.573()10.003), 'Kategori' (ARKIB PERSENDIRIAN), 'Sub-Kategori' (SURAT-SURAT PERSENDIRIAN), 'Media Asal' (GAMBAR FOTO), 'Syarat Pemindahan', 'Kredit', 'Hakcipta', and 'Bahan Sokongan'. At the bottom, there are buttons for 'RFID', 'Media ...', 'Label', 'Kemagkini', and 'Keluar'.

Gambar 5: Proses melakukan pengesahan metadata

13.12 PELABELAN BAHAN

Proses pelabelan dilakukan mengikut jenis koleksi bahan seperti berikut:

i. Dokumen dan Terbitan

Dokumen dan terbitan akan dilekatkan dengan tiga label kod bar (barcode). Satu label kod bar dilekatkan di sudut kanan sebelah atas muka hadapan manakala satu label kod bar dilekatkan di sudut kanan sebelah atas muka surat pertama (bahagian dalam) dan satu lagi dilekatkan di sudut kanan sebelah atas di bahagian belakang terbitan.




Gambar 6: Kod bar akan ditampal di sudut kanan atas muka hadapan



Gambar 7: Kod bar kedua akan ditampal di sudut kanan atas muka surat pertama bahagian dalam

ii. Gambar

Hanya dua label kod bar diperlukan bagi gambar. Satu label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di belakang gambar dan satu label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di muka depan sampul surat bebas asid (acid free).



Gambar 8: Kod bar dilekatkan di sudut kanan atas belakang gambar



Gambar 9: Kod bar dilekatkan di sudut atas kanan muka depan sampul surat bebas asid

iii. Peta, Pelan dan Carta


Setiap peta, pelan dan carta dilekatkan dengan dua kod bar. Satu label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di hadapan dan satu lagi label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di belakang peta, pelan dan carta.



Gambar 10: Kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di hadapan

iv. Poskad

Poskad dilekatkan dengan dua label kod bar. Satu label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di bahagian belakang atau di bahagian yang tidak menutupi sebarang catatan pada poskad. Satu lagi label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di muka depan sampul surat bebas asid.



Gambar 11: Kod bar dilekatkan di sudut atas kanan di bahagian belakang

v. Bahan Audiovisual (VHS, CD, Piring Hitam, Filem)


Tiga label kod bar perlu dilekatkan pada filem dan mikrofilem. Satu label kod bar dilekatkan di bahagian hujung filem dan mikrofilem serta pastikan bahagian tersebut tidak mempunyai imej. Satu label kod bar dilekatkan pada gelung dan satu lagi label kod bar dilekatkan pada kotak/ *casing* filem dan mikrofilem.



Gambar 12: Kod bar dilekatkan pada kotak/ *casing*

vi. Bahan Audiovisual (Kaset, Pita Video dan CD)

Tiga label kod bar perlu dilekatkan di kaset, pita video dan CD. Satu label kod bar dilekatkan pada bahagian atas bahan dan pastikan bahagian tersebut tidak mempunyai imej. Satu lagi label kod bar dilekatkan di sudut atas kanan bahagian depan kotak/*casing* dan satu lagi label kod bar perlu dilekatkan di sudut atas kanan bahagian belakang kotak/ *casing*.



Gambar 13: Kod bar dilekatkan di sudut atas kanan bahagian depan kotak/ *casing*



Gambar 14: Kod bar dilekatkan dibahagian yang tidak mempunyai imej

vii. Pengotakan

Setelah proses lekatan/ tampalan label selesai, pegawai dan kakitangan akan memasukkan dan menyusun mengikut jenis bahan ke dalam kotak dengan nombor penerimaan. Nombor penerimaan yang dilekatkan pada bahan di dalam kotak mesti sama dengan nombor penerimaan di hadapan/ depan setiap kotak.



Gambar 15: Nombor penerimaan yang ditampalkan di tepi kotak



Gambar 16: Nombor penerimaan yang ditampalkan di bahagian dalam kotak

viii. Pemindahan Bahan ke Seksyen Perkhidmatan Repositori

Bahan yang telah selesai dikotakkan akan dihantar ke SR dan bahan AV akan dihantar ke SAPD setelah mendapat tarikh dan lokasi bahan yang akan ditempatkan di repositori. Bahan yang dipindahkan perlu dibuat semakan bersama dengan SR dan SAPD untuk memastikan nama sumber, jenis, jumlah dan nombor penerimaan adalah betul dan tepat.



Gambar 17: Proses pemindahan bahan ke SR



Gambar 19: Semakan untuk memastikan nama sumber, jenis, jumlah dan nombor penerimaan tepat

13.13 CARTA ALIR PEMROSESAN KOLEKSI BAHAN ARKIB PERSENDIRIAN

Carta alir pemprosesan koleksi bahan arkib persendirian seperti dalam Lampiran 12.

14. PENUTUP

